

1982

KOTA BAHARU, 18 APRIL (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI, PARA PEMIMPIN PAS MENGGUNAKAN ISLAM SEBAGAI DAYA PENARIK UNTUK MENDAPAT SOKONGAN, BUKAN DENGAN TUJUAN DIJADIKAN AMALAN, BAHKAN SEMATA-MATA KERANA MINAT MEREKA TERHADAP KEBENDAAN, MAHUKAN KEKAYAAN DAN KUASA.

BERUCAP MERASMIKAN MASJID PEKAN KOK LANAS, KIRA-KIRA 27 KM DARI SINI PETANG INI, PERDANA MENTERI ITU MENEGASKAN PARA PEMIMPIN PAS MENJADIKAN AGAMA ISLAM SEBAGAI ALAT UNTUK MENIPU ORANG-ORANG YANG BERMINAT DENGAN ISLAM TETAPI KURANG PENGETAHUAN MENGENAINYA.

KATANYA PARA PEMIMPIN PAS MENGGUNAKAN ISLAM UNTUK MENJADI WAKIL RAKYAT KERANA MEREKA TAHU BANYAK KEISTIMEWAAN YANG AKAN DIPEROLEHI SEKIRANYA MEMENANGI PILIHANRAYA KELAK.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENJELASKAN BAHAWA ISLAM TIDAK MELARANG UMATNYA BERBAIK-BAIK DAN BEKERJASAMA DENGAN ORANG-ORANG BUKAN ISLAM SELAGI MEREKA ITU TIDAK MEMUSUHI ORANG-ORANG ISLAM SERTA MENGHURMATI AGAMA ISLAM.

TAMBAHNYA, ORANG-ORANG YANG Mendukung PARTI-PARTI POLITIK YANG BEKERJASAMA DENGAN UMNO SEPERTI MCA, MIC DAN GERAKAN TIDAK PERNAH MENCABAR KEDUDUKAN ISLAM, BAHASA MALAYSIA SERTA HAK KEISTIMEWAAN ORANG-ORANG MELAYU.

MEREKA JUGA ADALAH MENGHURMATI UMAT ISLAM DI NEGARA INI.

--BERSAMBUNG 1859/AN

MAHATHIR-PAS 2 KOTA BAHARU R'R'R'

SEBALIKNYA, KATA BELIAU, PEMIMPIN PAS ADALAH BEKERJASAMA DENGAN ORANG-ORANG KAFIR YANG MEMUSUHI SERTA BERHASRAT UNTUK MEMUSNAHKAN ISLAM DAN MENCABAR KEDUDUKAN BAHASA MALAYSIA SEBAGAI BAHASA RAMSI SERTA MEMPERSOALKAN HAK-HAK KEISTIMEWAAN ORANG-ORANG MELAYU.

INI JALAS DENGAN ADANYA PAKATAN PAS DENGAN DAP DI DALAM MENGHADAPI DUA PILIHANRAYA IAITU DALAM TAHUN 1978 DAN KALI INI.

MENURUTNYA LAGI, DAP ADALAH DIDUKONGI GLEH ORANG-ORANG YANG MEMPERSOALKAN KEDUDUKAN ISLAM SEBAGAI AGAMA RASMI NEGARA SERTA MEMBANTAH LANGKAH KERAJAAN MENGGUNAKAN WANG NEGARA UNTUK MEMBIAYAI PEMBINAAN MASJID-MASJID DAN LAIN-LAIN PROJEK YANG BERTUJUAN MENINGGIK

AN SYIAR ISLAM.

MENYENTUH TENTANG CALON BARISAN NASIONAL DI KAWASAN NEGERI SUNGAI KELADI DI KELANTAN, DATUK FOO CHOW YONG, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA CALON DARI MCA INI ADALAH ANTARA PEMIMPIN-PEMIMPIN PARTI YANG BEKERJASAMA DENGAN UMNO YANG KERAP TURUT MENGHADIRI MAJLIS-MAJLIS ANJURAN UMAT ISLAM SERTA MENGHULURKAN D' DERMA UNTUK MASJID-MASJID.

--BERSAMBUNG 1916/AN

MAHATHIRPAS 3 KOTA BAHARU R'R'R'

DATUK FOO YANG TELAH MENJADI WAKIL RAKYAT KAWASAN ITU SEJAK EMPAT PENGGAL YANG LALU DIKENALI DI KALANGAN MASYARAKAT ISLAM SETEMPAT SEBAGAI +USTAZ FOO+ KERANA SUMBANGAN BELIAU TERHADAP AGAMA ISLAM.

PERDANA MENTERI LALU BERTANYA, +PERNAHKAH RAKYAT DI NEGARA INI MELIHAT ATAU MENDENGAR PEMIMPIN-PEMIMPIN DAP MELAKUKAN SESUATU UNTUK MEMBANTU ISLAM DAN UMATNYA?+

SETERUSNYA DATUK SERI DR. MAHATHIR MENINGGATKAN RAKYAT DI NEGARA INI AMNYA DAN DI KELANTAN KHASNYA SUPAYA JANGAN SAMPAI TERTIPU OLEH PARA PEMIMPIN PAS SEPERTI YANG TERJADI KEPADA PENGIKUT KUMPULAN AGAMA YANG MENYELEWENG SEPERTI CRYPTO, SAIDINA ABU BAKAR DI JOHOR DAN KUMPULAN YANG TELAH MENYERANG BALAI POLIS DI BATU PAHAT.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MEMBIDAS GOLONGAN-GOLONGAN YANG MENJADIKAN MASJID SEBAGAI SATU ALAT UNTUK MEMECAH-BELAHKAN PERPADUAN UMAT ISLAM.

+SELAIN DARI TEMPAT IBADAT, MASJID HENDAKLAH DIJADIKAN TEMPAT MENGHILANGKAN SENGGKETA SESAMA SENDIRI, MENERATKAN PERSAHABATAN DAN BERSATU AGAR UMAT ISLAM DAPAT MENJADI SATU MASYARAKAT YANG